



8 November 2016  
**SIARAN MEDIA**

### **ANGKASA PERKASA INTEGRITI GERAKAN KOPERASI NEGARA**

**Kelana Jaya, 8 November 2016 – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)** pada hari ini telah menganjurkan Majlis Hari Integriti ANGKASA dengan tema “Integriti Pemangkin Kejayaan Koperasi” bertempat di Ibu Pejabat ANGKASA, Wisma Ungkua A. Aziz, Kelana Jaya. Program yang berlangsung selama satu hari ini dirasmikan oleh **Presiden ANGKASA, YBhg. Dato’ Haji Abdul Fattah Haji Abdullah.**

Program ini dianjurkan sempena menyambut Hari Integriti yang disambut pada 5 November 2016 di peringkat kebangsaan. Objektif program ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan dan kesedaran kepada Anggota Lembaga Koperasi dan anggota koperasi mengenai pengurusan integriti selain dari meningkatkan kefahaman dan penghayatan Anggota Lembaga Koperasi mengenai usaha pengukuhan integriti dalam sektor koperasi serta menggalakakan pembudayaan integriti sebagai pemangkin kecemerlangan dalam koperasi.

Acara pada hari ini diisi dengan dua sesi ceramah bertajuk ‘*Budaya Kerja Integriti dalam Organisasi*’ oleh wakil dari **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)** dan ‘*Pengurusan Integriti dalam Organisasi*’ oleh wakil dari **Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI)**. Manakala satu Forum Integriti dengan tajuk *Gejala Rasuah dalam Organisasi* turut diadakan yang dibicarakan oleh panel terdiri dari INTEGRITI, SPRM, Transparency International Malaysia dan Wakil Bahagian Perkhidmatan Syariah dan Pembangunan ANGKASA.

Peserta program terdiri daripada Ahli Lembaga Koperasi dan anggota koperasi seluruh negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

#### **ANGKASA**

ANGKASA adalah koperasi Apeks yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai Badan Puncak Gerakan Koperasi Malaysia. Selain daripada menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, kesatuan dan syarikat GLC, ANGKASA turut melaksanakan program transformasi koperasi melalui penyertaan projek ekonomi berimpak tinggi.

Sehingga 31 Disember 2015, ANGKASA menaungi kira-kira 12,769 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira-kira 8 juta orang. Sehingga 31 Disember 2015 jumlah modal syer / yuran anggota adalah sebanyak RM 13.81 billion, jumlah aset RM 123.27 billion dan perolehan sebanyak RM 33.56 billion (sasaran 2015, RM37 billion; sasaran 2020, RM50 billion). (Sumber : Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANGKASA telah mendapat pensijilan sistem pengurusan kualiti (ISO 9001:2008) dan sistem pengurusan keselamatan maklumat (ISO 27001:2013) yang diaudit setiap tahun oleh SIRIM QAS International.

Dikeluarkan oleh:  
Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA  
Tel : 03-7884 6493  
Faks: 03-7884 6489

